

## **Kawalan Inflasi di Malaysia (1980–1990): Satu Analisis Sejarah**

### ***Inflation Control in Malaysia (1980–1990): A Historical Analysis***

Nonaina binti Mat\*

SMK Tanjong Lumpur, 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur, Malaysia

\*email: Nonaina binti Mat (email: [Nonainamat958@gmail.com](mailto:Nonainamat958@gmail.com))

**Diterima:** 25 Feb 2025; **Disemak semula:** 23 April 2025; **Diterima:** 20 Mei 2025; **Diterbitkan:** 22 Jun 2025

**To cite this article (APA):** Mat, N. (2025). Kawalan Inflasi di Malaysia (1980–1990): Satu Analisis Sejarah. *Munysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 3(1), 79-95. <https://doi.org/10.37134/munysi.vol3.1.6.2025>

#### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk menelusuri sejarah berkenaan kawalan inflasi di Malaysia pada tahun 1980 sehingga 1990. Kerajaan memainkan peranan besar dalam mengawal masalah ini dari terus meningkat dengan menggunakan instrumen kewangan seperti menaikkan nisbah rizab berkanun dan kadar faedah. Selain itu, kerajaan juga melakukan beberapa langkah lain seperti menurunkan kadar cukai, kawalan harga serta pemberian subsidi bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah metodologi sejarah yang berasaskan pendekatan kuantitatif. Sumber primer dan sekunder digunakan secara meluas dan dijadikan sebagai asas kepada keseluruhan perbincangan yang dikemukakan. Hasil kajian menunjukkan masalah inflasi di Malaysia dikawal melalui peranan Bank Negara Malaysia yang melaksanakan dasar kewangan yang sesuai mengikut keadaan semasa ekonomi negara. Selain itu penggunaan harga subsidi bagi barangan asas harian, penurunan kadar cukai dan kawalan harga barang turut menyumbang dalam menangani tekanan inflasi. Pendokumentasikan maklumat sejarah berkenaan kawalan inflasi di Malaysia pada tahun 1980 hingga 1990 memberikan gambaran berhubung sejauhmana keberkesanan tindakan dan pendekatan yang dilaksanakan sepanjang tempoh kajian. Ia diharapkan boleh dijadikan panduan oleh semua pihak berkaitan dalam menangani masalah yang serupa pada masa akan datang.

**Kata kunci:** Bank Negara Malaysia, Ekonomi Malaysia, Instrument Kewangan, Kawalan Inflasi, Sejarah

#### ***Abstract***

*This paper aims to trace the historical development of inflation control in Malaysia from 1980 to 1990. The government played a significant role in preventing inflationary pressures from escalating during this period. Control measures implemented through financial instruments, such as increases in the statutory reserve requirement and interest rates, were effective in curbing inflationary pressures. In addition, the government*

*undertook several other measures, including tax reductions, price controls, and the provision of subsidies, to enhance public welfare. This was necessary as uncontrolled inflation would have adverse effects on income distribution within society. The methodology employed in this study is a historical approach based on quantitative methods. Both primary and secondary sources were extensively utilised and served as the foundation for the overall discussion presented in this paper. The findings indicate that inflation in Malaysia was managed primarily through the role of Bank Negara Malaysia, which implemented appropriate monetary policies in response to prevailing economic conditions. In addition to monetary policy measures, the government also introduced subsidies for essential goods, reduced tax rates, and enforced price control policies as part of its efforts to address inflationary pressures. The documentation of historical information on inflation control in Malaysia between 1980 and 1990 provides insights into the effectiveness of the actions and approaches implemented during the period under review. It is hoped that this study may serve as a reference for relevant stakeholders in addressing similar challenges in the future.*

**Keywords:** *Central Bank of Malaysia, Malaysian Economy, Financial Instruments, Inflation Control, History*

## **Pengenalan**

Malaysia telah menghadapi ancaman inflasi sebanyak dua kali pada dekad 1970-an, iaitu pada tahun 1973 dan 1974. Dalam tempoh kajian ini, inflasi sekali lagi muncul sebagai ancaman kepada Malaysia pada tahun 1980. Kadar inflasi berada pada paras yang tinggi pada tahun tersebut ekoran kenaikan mendadak harga minyak di pasaran dunia. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, kenaikan ini memberikan kesan langsung terhadap ekonomi domestik, khususnya melalui peningkatan harga barangan dan perkhidmatan. Selain itu, ekonomi Malaysia turut berisiko berhadapan dengan tekanan inflasi kerana sepanjang tempoh antara 1980 hingga 1990, ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan yang pesat dengan purata kadar sekitar 8 peratus setahun. Inflasi merupakan satu masalah ekonomi yang memberi kesan besar kepada negara, dan tindakan pengawalan terhadapnya amat penting bagi memastikan kesannya dapat diminimumkan terhadap kesejahteraan masyarakat dan kestabilan ekonomi negara. Sehubungan itu, kajian ini menumpukan perhatian terhadap langkah-langkah kawalan inflasi yang diambil oleh kerajaan Malaysia setelah negara berhadapan dengan ancaman inflasi secara berulang dalam tempoh masa yang agak singkat.

## **Inflasi dalam Sejarah Malaysia 1980-1990**

Inflasi ditakrif sebagai kenaikan berterusan tingkat harga umum dalam satu-satu tempoh masa.<sup>1</sup> Ia diukur menggunakan indeks harga umum.<sup>2</sup> Harga umum pula merujuk kepada harga yang menggambarkan paras harga bagi keseluruhan barangan dan perkhidmatan yang ada dalam sesuatu ekonomi di sesebuah negara pada suatu masa tertentu.

Ringkasnya, inflasi bermaksud kenaikan harga yang berterusan dalam tingkat harga umum. Dalam sejarah ekonomi Malaysia, kadar inflasi memberi kesan kepada ekonomi dan kesejahteraan sosial di negara ini berlaku pada tahun 1973, 1974 dan 1980.<sup>3</sup>

Kadar inflasi di Malaysia tertinggi adalah pada tahun 1981 kemudian kadar ini telah merosot sehinggalah ke tahun 1985 apabila inflasi mulai turun ke tahap yang lebih baik. Ini kerana sejak 1982, dasar belanjawan kerajaan yang ketat telah mengurangkan perbelanjaan sektor awam dan dasar kewangan yang sederhana telah berjaya mengawal paras inflasi.<sup>4</sup> Kemerosotan dalam kadar inflasi juga disebabkan oleh pengaruh kelemahan dalam kedudukan permintaan berikutan dari kemerosotan ekonomi dunia yang telah menjejaskan pendapatan eksport seterusnya pendapatan sektor swasta secara keseluruhannya. Ekoran itu, sejak 1985, inflasi berada pada kadar yang sangat rendah. Ini disebabkan kejatuhan harga barang di dunia. Kejatuhan harga minyak terutamanya disebabkan oleh kestabilan harga yang dialami di negara-negara *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD).<sup>5</sup>

Dalam tahun 1986, harga barangan pengguna stabil kerana kejatuhan dalam permintaan dalam negeri, lebihan keupayaan penawaran dan kejatuhan harga-harga import. Angkatunjuk Harga Pengguna (AHP) Semenanjung Malaysia meningkat dengan kadar tahunan 0.7 peratus dalam tempoh tujuh bulan pertama berbanding dengan kenaikan 0.1 peratus dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.<sup>6</sup> Kenaikan ini disebabkan oleh kenaikan tahunan sebanyak 0.5 peratus dalam AHP bagi makanan dan 1.9 peratus bagi rawatan perubatan dan perbelanjaan kesihatan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1986.<sup>7</sup>

Selain itu, kestabilan harga barangan pengguna dalam tahun 1986 dan kadar pengangguran yang lebih tinggi adalah faktor-faktor utama yang mewujudkan ketiadaan tuntutan kenaikan gaji yang besar di sektor swasta. Buktinya bilangan penganggur dijangka bertambah dari 448.6 ribu (7.6 peratus dari tenaga buruh) dalam tahun 1986. Dengan adanya kadar pengangguran yang lebih tinggi serta kemungkinan pemberhentian kerja ekoran dari prestasi korporat yang lemah, kenaikan gaji hanyalah terhad kepada perjanjian-perjanjian bersama yang telah ditandatangani bersama yang telah ditandatangani sebelumnya. Di sektor awam pula hanya pekerja-pekerja dalam kumpulan D sahaja yang diberikan kenaikan gaji antara \$15 dan \$25 sebulan.<sup>8</sup>

Keadaan inflasi pada tahun 1987 ditandakan dengan keadaan permintaan dalam negeri yang lembap. Dalam keadaan lebihan penawaran serta harga import yang pada amnya stabil telah membantu menstabilkan harga barang-barang pengguna. AHP keseluruhan untuk Malaysia dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1987 pada puratanya adalah hanya 1.0 peratus lebih tinggi berbanding AHP dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya. AHP kecil bagi minuman dan tembakau meningkat sebanyak 8.6 peratus manakala AHP kecil bagi pengangkutan dan perhubungan meningkat sebanyak 3.8 peratus adalah merupakan penyebab utama kenaikan AHP keseluruhan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1987. Kenaikan kedua-dua AHP kecil ini adalah disebabkan oleh cukai yang lebih tinggi ke atas tembakau dan kesan kenaikan nilai yen Jepun ke atas barang-barang dalam negeri bagi kereta dan motosikal.

Namun AHP kecil bagi perabot, hiasan dan peralatan rumah, bahan api dan tenaga serta pakaian dan kasut serta penjagaan kesihatan dan perubatan meningkat di antara 0.2 peratus sehingga 1.6 peratus. Sebaliknya AHP bagi makanan berkurang sebanyak 1.2 peratus.<sup>9</sup>

Ketiadaan kenaikan upah dalam tahun ini membantu menstabilkan harga barang-barang pengguna dan perkhidmatan. Kestabilan kadar upah yang mana kenaikan hanyalah terhad kepada perjanjian bersama yang telah dipersetujui mencerminkan keadaan penawaran yang berlebihan dalam pasaran buruh di mana peluang pekerjaan tidak mencukupi untuk menampung bilangan tenaga buruh yang memasuki pasaran buruh. Perpindahan ke arah teknologi menjimatkan buruh oleh para usahawan untuk meningkatkan daya persaingan terutamanya di pasaran luar negeri juga telah memburukkan masalah kekurangan peluang pekerjaan. Kesannya bilangan penganggur dijangka meningkat kepada 571.2 ribu orang dalam tahun 1987 (9.1 peratus dari jumlah tenaga kerja) berbanding dengan 520.5 ribu orang (8.5 peratus dari jumlah tenaga kerja) pada tahun 1986.<sup>10</sup>

Harga dalam negara telah meningkat dengan ketara pada tahun 1988 selepas tiga tahun mengalami kadar inflasi yang rendah. Ini kerana pemulihan ekonomi pada tahun 1988 telah mengukuhkan lagi pengembangan permintaan dalam negara. Harga import yang tinggi menyebabkan peningkatan kadar inflasi dalam negara yang lebih pesat.<sup>11</sup> Di samping itu, pengembangan pendapatan hasil daripada pertambahan eksport barangan dan perkilangan telah mewujudkan pertambahan dalam penggunaan swasta dan pada masa yang sama pertumbuhan pelaburan swasta yang kukuh juga telah mengakibatkan pengembangan permintaan terhadap bahan dan penggunaan keupayaan yang tinggi. Kemerosotan nilai ringgit bagi empat tahun berturut-turut telah membantu kepada pertambahan harga import. Ini juga telah memberi kesan kepada paras harga dalam negeri. Dengan itu, kadar inflasi telah meningkat sebanyak 2.5 peratus pada tahun 1988 berbanding 0.8 peratus pada tahun 1987.<sup>12</sup>

Perkembangan ini berbeza sekali dengan kadar inflasi yang kecil dialami semasa dan selepas berlakunya kemelesetan ekonomi di antara tahun 1985 dan 1987. Dalam konteks Malaysia, pertambahan kadar inflasi dan Indeks Harga Pengeluar sebanyak 2.5 peratus dan 7.4 peratus pada tahun 1988 mencerminkan kenaikan semula yang ketara dalam kadar inflasi berbanding dengan perkembangan harga yang dicatatkan di antara tahun 1985 dan 1987. Namun dalam jangka masa panjang dan di peringkat antarabangsa, kadar inflasi yang dialami Malaysia adalah agak menggalakkan jika dibandingkan dengan beberapa negara perindustrian utama.<sup>13</sup>

Selain itu, keadaan inflasi boleh berlaku sekiranya pihak pengeluar mengeluarkan barang dalam jumlah yang terhad. Hal ini demikian kerana pengeluaran yang terhad juga akan menaikkan harga barang. Permintaan yang melebihi penawaran secara automatik akan menaikkan harga barang-barang di pasaran. Oleh itu, golongan petani, nelayan dan buruh ialah golongan yang merasai kesan buruk akibat kenaikan harga barang tersebut. Keadaan ini akan menurunkan taraf hidup masyarakat ke tahap yang membimbangkan.<sup>14</sup>

Tahun 1989 pula menjangkakan harga-harga barangan utama bukan petroleum yang semakin lemah, AHP eksport keseluruhan di jangka meningkat sedikit sebanyak 4.4 peratus dalam tahun 1989 berbanding dengan 7.6 peratus pada tahun 1988. Untuk tempoh tujuh bulan pertama tahun 1989, AHP telah meningkat sebanyak 3.2 peratus.<sup>15</sup> Peningkatan ini berlaku dalam semua kumpulan kecil kecuali untuk kumpulan kecil sewa kasar, bahan api dan kuasa. Kumpulan kecil pengangkutan dan perhubungan paling ketara sekali kenaikannya iaitu sebanyak 7.8 peratus berbanding dengan 5.5 peratus dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1988 akibat kenaikan yang pesat dalam harga kereta dan bahan api. Kemudian kumpulan kecil makanan juga turut meningkat iaitu sebanyak 4.3 peratus berbanding dengan 3 peratus dalam tempoh yang sama 1988. Namun kenaikan ini diseimbangi dengan penurunan dalam kumpulan kecil sewa kasar, bahan api dan kuasa sebanyak 1.1 peratus yang mencerminkan penawaran rumah kediaman dan ruang niaga yang masih berlebihan di negara ini.<sup>16</sup> Semenanjung Malaysia mencatatkan peningkatan paling besar dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1989. Keadaan ini kerana AHP meningkat sebanyak 3.3 peratus berbanding 2.2 peratus dalam tempoh yang sama tahun 1988. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1989, Sabah dan Sarawak mengalami peningkatan yang rendah iaitu sebanyak 2.3 peratus bagi Sabah dan 2.9 peratus bagi Sarawak.<sup>17</sup>

Inflasi dalam ekonomi terus sederhana dalam tahun 1990. Angkatunjuk Harga Pengguna (AHP) untuk Malaysia mencatat kenaikan sebanyak 2.3 peratus bagi tempoh sembilan bulan pertama 1990. Ini lebih rendah daripada kadar 2.9 peratus yang dialami dalam tempoh yang sama tahun 1989 ekoran dari kemerosotan kadar peningkatan dalam harga import. Kesederhanaan dalam AHP adalah dicerminkan dalam kebanyakan angkatanunjuk kecil utama termasuk makanan yang meningkat sebanyak 3.5 peratus bagi tempoh sembilan bulan pertama 1990 serta pengangkutan dan perhubungan (2.9 peratus) yang bersama-sama menyumbang sebanyak 52.9 peratus kepada jumlah wajaran AHP. Angkatunjuk kecil bagi sewa kasar, bahan api dan kuasa tidak berubah berbanding dengan kemerosotan sebanyak 1.0 peratus dalam tempoh yang sama 1989.<sup>18</sup> Dari segi kawasan pula, semua wilayah di Malaysia mencatatkan pertumbuhan AHP yang lebih perlahan bagi tempoh sembilan bulan pertama 1990. Sarawak mencatatkan pertumbuhan AHP sebanyak 2.5 peratus bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun tersebut berbanding 3.0 peratus bagi tempoh yang sama tahun 1989. Manakala semenanjung mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.3 peratus serta Sabah mencatatkan sebanyak 1.6 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 1989 Semenanjung Malaysia sebanyak 3.1 peratus dan Sabah sebanyak 2.2 peratus.<sup>19</sup>

### **Kawalan Inflasi**

#### **Nisbah Rizab Berkanun**

Nisbah rizab berkanun merupakan instrumen yang penting dalam mengawal penawaran wang. Apabila nisbah rizab berkanun dinaikkan, institusi kewangan terpaksa menambah jumlah rizab dan mengurangkan penciptaan kredit supaya nisbah baru dapat dipenuhi. Oleh itu, ini akan mengurangkan jumlah penawaran wang dalam edaran. Perubahan yang kecil dalam nisbah rizab akan memberi kesan yang besar terhadap simpanan dan kredit.

Langkah ini penting dalam mengatasi inflasi. Oleh itu, Bank Negara Malaysia telah menaikkan nisbah rizab berkanun untuk mengawal tekanan inflasi di Malaysia.

Pada tahun 1985, keadaan inflasi pada tahun 1985 berada dalam keadaan paling stabil sepanjang tempoh ini (1980 sehingga 1990). Ini kerana bank pusat telah melaksanakan langkah memperkukuh ekonomi dengan mengambil langkah campur tangan bagi melegakan mudah tunai yang ketat. Buktinya kerajaan telah menurunkan simpanan berkanun bank-bank perdagangan dari lima peratus kepada empat peratus, sementara bank saudagar telah ditingkatkan dari 1.5 peratus kepada 2.5 peratus.<sup>20</sup> Keadaan ini membolehkan wang sejumlah \$400 juta dimasukkan ke dalam sistem kewangan.<sup>21</sup>

Pada tahun 1986, bank pusat juga menurunkan nisbah rizab berkanun bank perdagangan kepada 3.5 peratus dari 4.0 peratus pada penggal kedua tahun 1986. Ini kerana harga barangan pengguna adalah dalam keadaan stabil disebabkan kejatuhan dalam permintaan dalam negeri, lebih keupayaan penawaran dan kejatuhan harga-harga import.<sup>22</sup> Pada tahun 1986 ini, bank Negara telah menyalurkan mudah tunai berjumlah \$3,800 juta di dalam sembilan bulan pertama untuk melonggarkan keadaan mudah tunai yang ketat. Dengan mengurangkan nisbah-nisbah rizab berkanun dan mudah tunai bank-bank perdagangan di dalam pertengahan bulan Oktober 1986, sebanyak \$1,000,000 kumpulan wang lagi telah disalurkan untuk pemberian pinjaman ini.<sup>23</sup>

Namun pada tahun 1989, bank pusat telah menaikkan nisbah rizab berkanun. Ini kerana keadaan inflasi yang meningkat bermula tahun 1988 selepas tiga tahun mengalami kadar inflasi yang rendah.<sup>24</sup> Peningkatan kadar inflasi pada tahun 1989 ini disebabkan oleh ramalan kadar inflasi antarabangsa yang lebih tinggi dan kesan lat daripada nilai ringgit yang rendah.<sup>25</sup> Selain itu, kenaikan harga import yang tinggi juga telah meningkatkan kadar inflasi pada tahun 1989.<sup>26</sup> Oleh itu, bank pusat telah menaikkan nisbah rizab berkanun sebanyak dua kali pada tahun 1989 bagi mengatasi tekanan inflasi ini iaitu kali pertama pada bulan Mei dan seterusnya pada bulan Julai. Kedua-dua langkah ini telah menyerap RM1.8 Bilion mudah tunai utama bank.<sup>27</sup> Kemudian pada awal tahun 1990, bank pusat sekali lagi telah menaikkan nisbah cadangan berkanun ini kepada bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar di Malaysia daripada 5.5 peratus tahun 1989 kepada 6.5 peratus tahun 1990. Melalui langkah yang dilaksanakan ini, BNM telah menyerap RM900 Juta lebih mudah tunai pada tahun tersebut.<sup>28</sup> Kesannya kadar inflasi pada tahun 1990 telah menurun daripada 2.8 peratus kepada 2.3 peratus pada tahun tersebut.<sup>29</sup>

Bank Negara Malaysia menaikkan keperluan rizab berkanun untuk mengawal tekanan inflasi. Dalam keadaan inflasi yang stabil, kerajaan juga boleh menurunkan nisbah cadangan berkanun bagi melegakan mudah tunai yang ketat. Berkuatkuasa mulai 2 Mei 1989, keperluan rizab berkanun bagi bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar telah dinaikkan kepada kadar yang seragam iaitu 4.5 peratus daripada tanggungan yang layak (kadar dahulu bagi bank perdagangan ialah 3.5 peratus manakala bagi bank saudagar ialah 3.0 peratus).<sup>30</sup> Sehubungan itu, untuk memastikan pengurusan rizab kerajaan tidak dijalankan dengan cara yang bertentangan dengan keperluan dan objektif dasar maka Operasi Pasaran Wang Akauntan (MMO) telah diaktifkan pada April 1990.

Dalam penyusunan ini, kira-kira RM3.7 ribu juta daripada deposit kerajaan telah dikeluarkan daripada sistem urusan bank apabila ia matang dalam tahun tersebut dan telah disimpan dalam akaun MMO dengan BNM.<sup>31</sup> Selain itu, mulai 2 Mei 1989, nisbah keperluan rizab berkanun syarikat kewangan dan bank saudagar diselaraskan dengan nisbah rizab berkanun bank perdagangan.<sup>32</sup>

Kesimpulannya, BNM akan mengetatkan mengetatkan dasar kewangannya dengan menarik balik mudah tunai daripada sistem perbankan dan menaikkan kadar faedah apabila ekonomi berdepan dengan ancaman inflasi yang tinggi. Tindakan ini akan mengakibatkan peningkatan kos meminjam dan menggalakkan orang ramai untuk menambah tabungan. Situasi ini menyebabkan aktiviti penggunaan dan pelaburan menjadi perlahan ke satu tahap yang lebih kukuh dan seterusnya mengekang inflasi daripada terus meningkat.<sup>33</sup> Sebagai contoh, BNM telah mengetatkan dasar kewangan pada tahun 1989 ketika negara berdepan dengan tekanan inflasi ekoran daripada lebih permintaan dalam ekonomi dan kekangan di bahagian penawaran serta pertumbuhan kewangan yang tinggi.<sup>34</sup> Nisbah keperluan rizab berkanun dinaikkan secara berperingkat peringkat sehingga 3.5% pada Januari 1989.<sup>35</sup> Langkah ini bertujuan untuk memastikan bahawa lebih mudah tunai yang besar disimpan dengan BNM bagi mengelakkan unjuran inflasi yang tinggi. BNM juga menyerap mudah tunai menerusi pinjaman secara langsung daripada pasaran wang.<sup>36</sup>

### **Kadar Faedah**

Selain itu, BNM meningkatkan kadar faedah sehingga ke suatu tahap yang sesuai seiring dengan keperluan untuk mengimbangi di antara kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi.<sup>37</sup> Ini kerana kadar faedah yang tinggi menggalakkan orang ramai menyimpan. Hasilnya penawaran wang menyusut dan seterusnya inflasi dapat dibendung.<sup>38</sup> Ini demikian kerana ketika berlaku inflasi dan bagi tujuan mengurangkan permintaan terhadap wang, kadar pinjaman asas dan kadar simpanan tetap akan dinaikkan. Keadaan ini akan mengurangkan minat peminjam untuk mendapatkan pinjaman bank kerana mereka terpaksa membayar balik dengan kos yang tinggi. Kesannya orang ramai akan lebih berminat untuk menabung kerana mereka akan mendapatkan pulangan yang bagus kerana mereka memperolehi kadar faedah yang tinggi untuk simpanan mereka di bank-bank.<sup>39</sup>

Sepanjang tempoh kajian ini, kadar faedah bank perdagangan yang tertinggi adalah pada 1985. Kenaikan kadar faedah ini berjaya mengawal tekanan inflasi di Malaysia kerana apabila permintaan dan penawaran terhadap wang berkurangan, tekanan inflasi juga dapat dikurangkan.

Namun, BNM telah menurunkan kadar faedah pada tahun 1986 dan 1987. Selari dengan itu, kadar bunga di bank-bank perdagangan di Malaysia menurun dan inflasi kembali meningkat pada kadar yang rendah. Kesannya pendapatan negara rendah menyebabkan mudahtunai sistem bank meningkat dengan lebih perlahan. Dalam separuh pertama tahun 1986, jumlah simpanan dengan sistem bank kepada \$355 juta sahaja berbanding dengan \$4,277 juta dalam tempoh yang sama tahun 1985.<sup>40</sup> Mudahtunai yang ketat yang dialami oleh sistem bank menyebabkan bekalan wang berkurangan dalam separuh pertama tahun 1986 iaitu sebanyak -4.1 peratus atau \$557.3 juta setelah berkurangan sebanyak 3.0 peratus atau \$401,4 juta dalam tempoh yang sama tahun 1985.<sup>41</sup>

Pada tahun 1988, BNM telah menaikkan semula kadar faedah di bank-bank perdagangan. Deposit tetap tiga bulan telah dinaikkan dari 2.50 pada tahun 1987 kepada 3.25 peratus pada tahun 1988.<sup>42</sup> Kemudian bank pusat sekali lagi menaikkan kadar faedah bank-bank perdagangan pada tahun 1989 kerana keadaan inflasi yang semakin meningkat ketika itu. Maklumat berkaitan dinyatakan dalam jadual berikut;

**Jadual 1:** Kadar Faedah bank-bank Perdagangan Di Malaysia 1980-1990  
(peratus setahun)

| Akhir Tempoh | Deposit Tetap 3 Bulan | Kadar Pemberian Pinjaman Asas | Deposit Tabungan |
|--------------|-----------------------|-------------------------------|------------------|
| 1980         | -                     | -                             | -                |
| 1981         | -                     | -                             | -                |
| 1982         | -                     | -                             | -                |
| 1983         | -                     | -                             | -                |
| 1984         | -                     | -                             | -                |
| 1985         | 7.25                  | 10.75                         | 6.0              |
| 1986         | 6.25                  | 10.0                          | 6.0              |
| 1987         | 2.50                  | 7.5                           | 3.5              |
| 1988         | 3.25                  | 7.0                           | 3.5              |
| 1989         | 5.0                   | 7.0                           | 3.5              |
| 1990         | 7.0                   | 7.5                           | 3.25             |

**Sumber:** Dipetik daripada Laporan Ekonomi 1980/1981-1990/1991

Berdasarkan jadual 1, kadar faedah bagi pinjaman dan deposit tetap adalah paling tinggi pada tahun 1985. Hal ini berikutan penyerapan yang dilakukan oleh BNM dengan meningkatkan kadar nisbah cadangan berkanun.<sup>43</sup> Justeru penawaran wang di pasaran akan berkurangan dan pihak bank terpaksa meningkatkan kadar faedahnya bagi menarik perhatian penyimpan dan bagi mengurangkan pengaliran keluar wang secara berlebihan melalui pemberian pinjaman. Langkah-langkah yang dijalankan ini dalam dasar kewangan kerajaan ini bertujuan untuk mengurangkan agregat kewangan dalam pasaran. Ini kerana apabila permintaan dan penawaran terhadap wang berkurangan, tekanan inflasi juga dapat dikurangkan.

### Dasar Fiskal

Melalui dasar fiskal ini juga, kerajaan melaksanakan perbelanjaan berhemat. Pada tempoh 1985 hingga 1989 ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal tekanan inflasi. Kerajaan telah mengurangkan saiz sektor awam untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Ekoran itu, sejak 1983 hingga tahun 1988, sebanyak 71 syarikat telah diswastakan.<sup>44</sup> Penswastaan 25 buah syarikat melibatkan penjualan saham yang bernilai lebih daripada RM2 billion, pengurangan kakitangan seramai 54 000 orang dan penjimatan lebih daripada RM400 juta setahun dari segi emolumen sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam.<sup>45</sup> Malah kerajaan juga telah melaksanakan penjimatan lebih kurang RM5 billion dalam bentuk perbelanjaan modal melalui pelaksanaan konsep 'built operate-transfer' (BOT) bagi projek-projek seperti Lebuhraya Utara-Selatan dan bekalan air Labuan.<sup>46</sup>



**Jadual 2:** Kewangan Kerajaan Persekutuan 1981-1985 (RM juta)

|                                      | 1981   | 1982                                       | 1983   | 1984                                       | 1985                                       |
|--------------------------------------|--------|--------------------------------------------|--------|--------------------------------------------|--------------------------------------------|
| <b>Hasil</b>                         | 15 806 | 16 434                                     | 17 266 | 20 820                                     | 21 877                                     |
| <b>Perbelanjaan Mengurus</b>         | 14 600 | (asal)<br>17 319<br>(diubahsuai)<br>16 185 | 17 079 | (asal)<br>19 016<br>(diubahsuai)<br>21 371 | (Asal)<br>21 538<br>(Diubahsuai)<br>21 895 |
| <b>Lebihan/ Defisit akaun semasa</b> | 120    | 249                                        | 187    | 449                                        | 339                                        |
| <b>Perbelanjaan Pembangunan</b>      | 8 477  | (Asal)<br>14 632<br>(Diubahsuai)<br>12 881 | 11 670 | (Asal)<br>19 016<br>(Diubahsuai)<br>9241   | (Asal)<br>7 653<br>(Diubahsuai)<br>8 010   |
| <b>Defisit/ Lebihan Keseluruhan</b>  | -11015 | -10 434                                    | -9 713 | -8 447                                     | -6 324                                     |

**Sumber:** Dipetik daripada Laporan Ekonomi 1981/1982 – 1985/1986

Berdasarkan jadual 2, peruntukan kerajaan mengurus kerajaan persekutuan bagi tahun 1982 ditetapkan pada paras \$16 185 juta berbanding dengan peruntukan belanjawan sebanyak \$ 17 319 juta.<sup>47</sup> Pengurangan sebanyak 7 peratus ini adalah sebagai langkah berjimat yang diambil oleh kerajaan mulai dari pertengahan tahun 1982 memandangkan kedudukan ekonomi negara dan kewangan kerajaan yang kurang memuaskan akibat daripada keadaan tidak tentu dalam ekonomi antarabangsa.<sup>48</sup> Namun begitu, peruntukan yang disemak semula ini merupakan pertambahan sebanyak 18 peratus jika dibandingkan dengan perbelanjaan sebenar bagi tahun 1981 sebanyak \$ 13 686 juta dan peratusan tambahan ini jauh lebih rendah daripada peratusan tambahan dalam tahun 1981.<sup>49</sup> Selain itu, peruntukan yang disemak semula ini mencukupi untuk memenuhi perbelanjaan-perbelanjaan penting seperti pembayaran gaji.<sup>50</sup>

Selain itu, kerajaan Persekutuan telah mengurangkan perbelanjaan pembangunan pada kadar purata 10.9 peratus setahun dari 1982 hingga 1984.<sup>51</sup> Dalam dua tahun seterusnya, kerajaan telah mengurangkan perbelanjaan pembangunan dari peruntukan belanjawan yang diumumkan sebanyak \$14.6 bilion untuk tahun 1982 kepada \$8.7 bilion sahaja pada tahun 1984 dan dikurangkan lagi ke \$8.0 bilion pada tahun 1985.<sup>52</sup> Pengurangan ini dilakukan secara terpilih bagi memastikan semua projek untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi dan yang boleh mendatangkan tukaran asing kepada negara terus diberi keutamaan.<sup>53</sup>

Kerajaan telah pun mengambil langkah untuk mengurangkan perbelanjaan pembangunan di samping mengawal perbelanjaan mengurus semenjak tahun 1982.<sup>54</sup> Kerajaan juga meneruskan tindakan mengurangkan jumlah perbelanjaan sektor awam bagi memperkukuhkan kedudukan imbalan pembayaran dan belanjawan negara. Di samping itu, kerajaan akan meneruskan amalan dasar penjimatan dan pengurusan sumber kewangan yang teliti untuk memastikan bahawa perbelanjaan dilakukan selari dengan hasil negara dalam usaha untuk mencapai matlamat pembangunan ekonomi negara.<sup>55</sup>

Selain itu, perbelanjaan yang defisit ini sekiranya tidak dikawal bukan sahaja akan memburukkan keadaan inflasi dalam negara Malaysia malah juga meningkatkan pergantungan kerajaan terhadap pinjaman terutamanya hutang asing. Pertambahan perbelanjaan yang pesat dalam keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan juga akan mengurangkan sumber kewangan tempatan. Pada tahun 1990 pula, Kerajaan melaksanakan langkah-langkah dasar fiskal dan kewangan yang berhati-hati untuk mengurangkan tekanan inflasi.<sup>56</sup> Dasar kewangan dan fiskal kerajaan memainkan peranan penting dalam membendung kenaikan harga. Pertumbuhan dalam bekalan wang akan dikawal rapi untuk memastikan dana disediakan untuk pelaburan produktif pada kos yang munasabah serta pertumbuhan, mudah tunai tidak memburukkan lagi tekanan inflasi.<sup>57</sup>

### **Cukai**

Pada masa yang sama ketika inflasi tinggi dalam negara, kerajaan menggalakkan tabungan melalui pelbagai insentif percukaian. Ini kerana pertambahan simpanan negara yang rendah pada awal-awal tahun 1980-an telah memburukkan kedudukan sumber negara. Oleh itu, untuk mendapatkan simpanan tambahan dalam negeri untuk membiayai pelaburan tempatan dan mengurangkan pergantungan ke atas punca kewangan luar negeri, galakan cukai telah dilaksanakan bagi menggalakkan simpanan jangka panjang.<sup>58</sup> Ini termasuklah pengecualian cukai pendapatan atas faedah yang diperolehi dari simpanan tetap yang mempunyai tempoh matang melebihi 12 bulan.<sup>59</sup> Faedah yang diperolehi oleh individu-individu dari surat jaminan kerajaan juga dikecualikan dari cukai sebagai salah satu usaha kerajaan untuk meluaskan asas pembiayaan dari punca tempatan yang tidak menimbulkan inflasi.<sup>60</sup> Selain itu, kadar cukai pendapatan juga diturunkan untuk memberi galakan untuk mempertingkatkan produktiviti, pelaburan dan simpanan individu pada tahun 1981.<sup>61</sup> Misalnya kerajaan telah menggalakkan simpanan dalam Bank Simpanan Nasional (BSN) kerana dikecualikan daripada cukai pendapatan berapa pun jumlahnya.<sup>62</sup> Simpanan juga digalakkan di dalam koperasi-koperasi, Bank Pertanian, Tabung Haji dan Malaysia Building Society Berhad kerana cukai pendapatan dikecualikan sehingga \$10,000. Selain itu, simpanan juga digalakkan dalam bank-bank perdagangan.<sup>63</sup>

Kerajaan mematikan supaya percukaian yang dilaksanakan tidak membebankan masyarakat. Kerajaan juga menurunkan harga barangan melalui penurunan dan penghapusan duti import ke atas barangan tertentu. Dalam keadaan inflasi yang tinggi, penurunan cukai adalah salah satu usaha kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Penurunan cukai memberi manfaat kepada rakyat. Kesannya kerajaan ketika ini telah mengorbankan hasil cukai kira-kira RM186 juta dalam tahun 1982.<sup>64</sup> Penurunan percukaian ini dilaksanakan oleh kerajaan apabila kadar inflasi dalam negara meningkat. Pada tahun 1982, kerajaan telah mengumumkan Belanjawan 1982 untuk pengurangan duti import, cukai tokok, cukai jualan dan cukai eksais terhadap begitu banyak jenis barang sebagai langkah untuk membendung inflasi.<sup>65</sup>

Walaupun kerajaan telah menurunkan cukai namun hasil kutipan hasil bertambah berikutan prestasi ekonomi yang kukuh serta jentera pungutan cukai yang tetap. Oleh itu, penurunan cukai telah memberi manfaat kepada rakyat malah kerajaan juga mengambil inisiatif lain untuk meningkatkan pungutan cukainya. Selain menurunkan cukai bagi

individu dan syarikat, duti import barang-barang juga telah dikurangkan. Tujuannya adalah untuk membolehkan rakyat menikmati barang-barang pada harga yang berpatutan.

Selain itu, belanjawan 1989 juga telah melakukan perubahan ke atas cukai-cukai di mana cukai pendapatan syarikat telah dikurangkan dari 40 peratus kepada 35 peratus.<sup>66</sup> Pada tahun 1990, kerajaan juga telah mengurangkan duti import, cukai jualan, cukai tokok dan duti eksais beberapa jenis barangan keperluan seperti barang-barang makanan, input yang digunakan dalam sektor pertanian, bahan yang digunakan bagi mengeluarkan barang makanan dan keperluan rumahtangga.<sup>67</sup> Malah, kerajaan telah menurunkan duti import ke atas barangan bagi beberapa industri seperti tekstil, pakaian, makanan, bahan kimia dan peralatan. Pendekatan ini bagi membolehkan pengguna membeli barangan tersebut dengan harga yang lebih murah.<sup>68</sup>

Selain itu, pada tahun 1990 harga bahan-bahan petroleum dalam negeri adalah terkawal melalui satu mekanisme harga di mana kerajaan boleh menstabilkan harga tersebut dengan mengurangkan atau meningkatkan kadar cukai yang dikenakan ke atas bahan-bahan petroleum.<sup>69</sup> Cukai pembangunan juga telah dikurangkan dari 5 peratus kepada 4 peratus di dalam Belanjawan Tahun 1990.<sup>70</sup> Selain itu, kadar cukai syarikat juga telah dikurangkan daripada 40 peratus kepada 35 peratus pada tahun tersebut.<sup>71</sup>

### **Kawalan Harga**

Dasar kawalan langsung adalah langkah-langkah dalam pengurusan dan pentadbiran. Kawalan ini dilakukan apabila berlaku inflasi, kerajaan akan campur tangan untuk mengawal harga barangan di pasaran. Barang-barang yang mengalami kenaikan harga yang terus meningkat akan diletakkan di bawah kawalan harga dimana kerajaan akan meletakkan harga maksimum dan harga minimum terhadap barang-barang tersebut. Barang yang dikenakan kawalan harga biasanya ialah barang-barang yang sering diperlukan oleh pengguna. Kawalan ini amat wajar bagi membantu pengguna untuk tidak terus menanggung kos sara hidup yang terlampau tinggi.

Melalui Perintah Kawalan Harga 1977 (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit), peniaga diwajibkan meletakkan tanda harga bagi 111 barangan untuk membolehkan pengguna membuat bandingan harga sebelum membeli.<sup>72</sup> Melalui Akta Perihal Dagangan 1972, tindakan boleh diambil atas kesalahan yang berkaitan tanda harga yang palsu dan juga jualan murah palsu.<sup>73</sup> Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan pengguna daripada diseleweng atau ditipu.

Pada tahun 1989, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menetapkan harga jualan maksimum beberapa barang asas, khususnya gula bertapis, tepung gandum, besi, simen dan keluaran-keluaran petroleum.<sup>74</sup> Dasar Kerajaan dalam menetapkan harga ialah harga yang stabil berpatutan untuk kepentingan pengguna dan memberi pulangan pelaburan yang munasabah kepada pengeluar. Kenaikan harga diluluskan sekiranya kos pengeluaran yang di luar bidang kuasa syarikat-syarikat pengeluar telah meningkat. Ini perlu kerana syarikat-syarikat pengeluar tidak akan membuat pengeluaran sekiranya harga tidak munasabah dan akibatnya bekalan barangan berkenaan akan berkurangan dan ini

akan lebih lagi menyusahkan pengguna.<sup>75</sup> Selain itu, melalui Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977, 111 barangan di wajib diletakkan tanda harga untuk membolehkan pengguna membuat bandingan harga sebelum membeli.<sup>76</sup> Selain itu, kempen anti inflasi turut dilancarkan bagi menasihati masyarakat supaya mereka mengurangkan perbelanjaan, menambah simpanan dan menggunakan kad kredit dengan bijak. Jika keadaan inflasi dengan aliran mata wang tidak dapat dikawal, ekonomi negara juga akan tergugat. Keadaan ini akan memberi kesan kepada seluruh masyarakat, kerajaan serta negara.<sup>77</sup>

Pada tahun 1990 pula, kerajaan juga mengawal harga barang-barang keperluan untuk memastikan bahawa harga-harga tidak meningkat dengan pesatnya dan negara juga mengawal bekalan wang untuk memastikan bahawa mudah-tunai tidaklah berlebihan.<sup>78</sup> Dengan itu tekanan ke atas harga akan diturunkan dan inflasi berada di peringkat yang rendah dan terkawal.<sup>79</sup>

### **Subsidi**

Kerajaan mengambil langkah memberi subsidi bagi mengurangkan tekanan inflasi dalam tempoh kajian ini. Dalam tahun 1981, kerajaan membelanjakan sejumlah RM891.5 juta bagi melaksanakan beberapa jenis subsidi termasuk subsidi untuk petroleum dan barang-barang yang bersangkutan dengan minyak dan diesel dan juga barang-barang keperluan hari-hari seperti beras dan sebagainya.<sup>80</sup> Dengan langkah-langkah yang dilaksanakan kerajaan mengurangkan tekanan inflasi ke paras 6.7 peratus dalam tahun 1980 berbanding dengan 7.0 peratus yang dianggarkan dalam Belanjawan 1980/81.<sup>81</sup> Kadar ini adalah rendah jika dibandingkan dengan kadar-kadar inflasi di negara-negara jiran seperti Singapura (8.5 peratus), Indonesia (15.9 peratus), Thailand (11 peratus), Sri Lanka (21 peratus) dan Korea Selatan (27 peratus).<sup>82</sup>

Bahkan semenjak tahun 1980, kerajaan Malaysia membelanjakan kira-kira \$180 juta setahun bagi membiayai subsidi harga padi.<sup>83</sup> Dalam tahun 1981 pula kerajaan memperuntukkan sejumlah kira-kira \$1,400 juta bagi melaksanakan beberapa jenis subsidi yang meliputi barang-barang keperluan dan juga petroleum, minyak diesel dan minyak tanah.<sup>84</sup> Tindakan penguatkuasaan dijalankan untuk mengelakkan penipuan serta juga penyorokan barang keperluan.<sup>85</sup>

Selain itu, dalam usaha mengurangkan tekanan hidup masyarakat luar bandar yang terlibat dalam aktiviti pertanian, kerajaan memperuntukkan sejumlah belanjawan kepada para pekebun kecil dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka ketika inflasi berada pada paras yang tinggi. Sejak tahun 1980 sehingga 30 September 1981, jumlah subsidi yang dikeluarkan kepada pekebun-pekebun kecil ialah sebanyak \$66,097,458.<sup>86</sup> Ini termasuklah subsidi input pertanian dan subsidi pembangunan tanah.<sup>87</sup> Subsidi yang sama diteruskan pada 1982.<sup>88</sup>

Namun, penghapusan subsidi atau diesel dan minyak tanah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 1984.<sup>89</sup> Kemudian kenaikan harga runcit barang-barang petroleum berlaku mulai 1 Jun 1985 disebabkan oleh kekukuhan matawang Dollar Amerika Syarikat. Perkembangan ini menyebabkan kos barangan meningkat dalam matawang Ringgit. Ini memberi kesan kerana jika Kerajaan menetapkan harga runcit petroleum rendah daripada harga yang sepatutnya melalui pengurangan kadar duti atau pemberian subsidi, ini akan memberi implikasi kewangan kepada kewangan kerajaan.<sup>90</sup> Ini kerana pada kadar 1 sen bagi setiap liter pengurangan kadar duti atau pemberian subsidi atas petrol premium menyebabkan beban kewangan kira-kira RM1.88 juta sebulan atau RM22.56 juta setahun.<sup>91</sup>

Pada tahun 1985, kerajaan memperkenalkan Projek Subsidi Baja Separuh Harga bertujuan untuk membantu pekebun kecil nenas di dalam meningkatkan daya pengeluaran.<sup>92</sup> Sejak projek ini dimulakan pada bulan Oktober 1981 seramai 1,770 pekebun kecil nenas telah mendapat faedah daripadanya dan kira-kira 1,700 metrik tan baja telah dikeluarkan.<sup>93</sup> Pemberian subsidi baja kepada para pekebun kecil nenas ini juga dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat secara amnya walaupun pada tahun 1985, inflasi berada dalam keadaan stabil. Bagi tahun 1985, sebanyak \$1.5 juta telah diperuntukkan bagi pemberian subsidi.<sup>94</sup> Pada tahun 1990 pula, sebanyak \$67,600,000 telah diperuntukkan bagi tujuan subsidi baja.<sup>95</sup> Malah sebanyak \$80 juta telah diperuntukkan untuk pemberian subsidi baja padi pada tahun itu.<sup>96</sup>

## **Penutup**

Secara keseluruhannya, membincangkan keadaan inflasi di Malaysia pada tahun 1980 sehingga 1990. Tindakan yang diambil bagi mengawal inflasi sepanjang tempoh kajian ini mencerminkan pendekatan pragmatik yang diambil oleh kerajaan dalam menangani tekanan inflasi ketika negara berada dalam fasa peralihan pembangunan ekonomi. Jelasnya, tindakan yang dilakukan sepanjang tempoh kajian ini menunjukkan kejayaan kawalan inflasi ini bukan hanya berjaya menstabilkan ekonomi tetapi juga menjami kesejahteraan rakyat. Dari sudut sejarah ekonomi, strategi ini memperlihatkan keupayaan kerajaan menyesuaikan dasar mengikut keadaan semasa serta mencerminkan peranan negara yang signifikan dalam pengurusan ekonomi pada era tersebut.

## **Penghargaan**

Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada para penilai yang memberikan pandangan bagi proses penambahbaikan makalah ini sehingga ia diterbitkan.

## Bibliografi

- Bank Negara Malaysia dan Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia, *Info Perbankan: Maklumat Am Bank Negara Malaysia*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2003)
- Buletin Perangkaan Bulanan (Januari 2006)*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2006a)
- Chamhuri Siwar & Zulkifly Osman. *Prestasi Ekonomi 1988 dan Belanjawan 1989*, Jurnal Ekonomi Malaysia, (1988)
- Hamzaid B. Yahya, *Ekonomi: Bahagian Ekonomi Malaysia*. (Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Analisis Ekonomi dan Dasar Awam, 1991)
- Jomo K.S & Ishak Shaari, *Makroekonomi*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd, 2003)
- Laporan Ekonomi 1980/1981*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia)
- Laporan Ekonomi 1981/1982*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia)
- Laporan Ekonomi 1982/1983*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia)
- Laporan Ekonomi 1982/1983*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia)
- Laporan Ekonomi 1985/1986*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia)
- Laporan Ekonomi 1986/1987*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia)
- Laporan Ekonomi 1987/1988*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia)
- Laporan Ekonomi 1989/1990*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia)
- Laporan Ekonomi 1990/1991*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia)
- Laporan Tahunan 1989*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1990)
- Mansor Jusoh, *Inflasi*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1990)
- Muhammad Hisyam Mohamad. *Inflasi dan Pengurusannya di Malaysia: Isu, Cabaran dan Langkah-Langkah Menghadapinya*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997)
- Penyata Rasmi Parlimen Malaysia*, Dewan Rakyat, 6 Dis 1988
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 39, 5 November 1985
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 43, 12 November 1985
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 19, 19 Julai 1985.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 19, 19 Julai 1985
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 9, 5 April 1985,
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 17, 17 Julai 1985
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil. 4, 10 Disember 1990.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil. 8, 14 Disember 1990
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil. 5, 11 Disember 1990
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil. 11, 19 Disember 1990
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 38, 2 November 1981
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 38, 2 November 1981
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 13, 2 April 1981
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 59, 1 Disember 1981
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 38, 2 November 1981
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 63, 13 Disember 1989
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 29, 17 November 1986

*Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991).  
*Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, (Kuala Lumpur: Percetakan Negara Kuala Lumpur, 1986),  
Tee Shong Pen, *Makroekonomi*, (Kuala Lumpur: Federal Publication, 2000)

<sup>1</sup> Jomo K.S & Ishak Shaari, *Makroekonomi*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd, 2003), 9.; Mansor Jusoh, *Inflasi*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1990), 6.

<sup>2</sup> Memandangkan sesetengah barang-barang amat penting dan banyak digunakan dalam ekonomi manakala sesetengah barang-barang pula tidak begitu penting dan hanya digunakan oleh segelintir masyarakat. Maka ukuran inflasi yang sesuai digunakan ialah dengan mengambil purata berwajaran harga dimana wajarannya ialah jumlah unit barang yang diniagakan atau digunakan oleh masyarakat dalam ekonomi. Kadar perubahan harga atau kadar inflasi ini seterusnya boleh dikira dengan menggunakan siri harga purata. Purata harga sebagai peratusan kepada purata harga satu tahun asas dikenali sebagai indeks harga. Untuk membentuk indeks harga, satu tahun asas dipilih dan purata harga tahun-tahun berikutnya akan dibahagi dengan purata harga tahun asas. Peratusan nisbah ini memberikan indeks harga bagi tahun berkenaan. Oleh itu, indeks harga yang terpenting di Malaysia ialah Indeks Harga Pengguna (CPI) atau dengan kata lain adalah Angkatunjuk Harga Pengguna (AHP). Sila lihat Hamzaid B. Yahya, *Ekonomi: Bahagian Ekonomi Malaysia*. (Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Analisis Ekonomi dan Dasar Awam, 1991), 218.

<sup>3</sup> *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, (Kuala Lumpur: Percetakan Negara Kuala Lumpur, 1986), 3;

<sup>4</sup> Hamzaid B. Yahya, *Ekonomi: Bahagian Ekonomi Malaysia*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Analisis Ekonomi dan Dasar Awam, 1991), 225.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> *Laporan Ekonomi 1986/1987*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 22.

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> *Laporan Ekonomi 1986/1987*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 23.

<sup>9</sup> *Laporan Ekonomi 1987/1988*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 24.

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> *Laporan Ekonomi 1989/1990*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 192.

<sup>12</sup> *Laporan Ekonomi 1989/1990*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 192.

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> *Penyata Rasmi Parlimen Malaysia*, Dewan Rakyat, 6 Dis 1988, 106.

<sup>15</sup> *Laporan Ekonomi 1989/1990*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 24.

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> *Laporan Ekonomi 1990/1991*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 24.

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> *Laporan Ekonomi 1985/1986*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 19.

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> *Laporan Ekonomi Malaysia 1986/1987*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 22.

<sup>23</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 29, 17 November 1986, 4050.

<sup>24</sup> *Laporan Ekonomi 1989/1990*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 192.

<sup>25</sup> *Ibid*, 24.

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> *Laporan Tahunan 1989*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1990), 35.

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia.

<sup>30</sup> *Laporan Tahunan 1989*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1990), 35.

<sup>31</sup> *Laporan Tahunan 1989*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1990), 35.

<sup>32</sup> *Buletin Perangkaan Bulanan (Januari 2006)*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2006a), 53.

<sup>33</sup> Bank Negara Malaysia dan Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia, *Info Perbankan: Maklumat Am Bank Negara Malaysia*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2003), 5.

- 
- <sup>34</sup> *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan Malaysia: Perubahan Sedekad*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1999), 180.
- <sup>35</sup> *Ibid*, 173.
- <sup>36</sup> *Ibid*, 182.
- <sup>37</sup> *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan Malaysia: Perubahan Sedekad*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1999), 184.
- <sup>38</sup> Tee Shong Pen, *Makroekonomi*, (Kuala Lumpur: Federal Publication, 2000), 106-107.
- <sup>39</sup> Muhammad Hisyam Mohamad. *Inflasi dan Pengurusannya di Malaysia: Isu, Cabaran dan Langkah-Langkah Menghadapinya*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997), 72.
- <sup>40</sup> *Laporan Ekonomi 1985/1986*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 23.
- <sup>41</sup> *Ibid*.
- <sup>42</sup> *Ibid*, 28.
- <sup>43</sup> *Laporan Tahunan 1989*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1990), 35.
- <sup>44</sup> *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991). 79.
- <sup>45</sup> *Ibid*.
- <sup>46</sup> *Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991). 79.
- <sup>47</sup> *Laporan Ekonomi 1982/1983*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 66.
- <sup>48</sup> *Ibid*, 66.
- <sup>49</sup> *Laporan Ekonomi 1982/1983*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 66.
- <sup>50</sup> *Ibid*.
- <sup>51</sup> *Laporan Ekonomi 1980/1981*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 17.
- <sup>52</sup> *Ibid*.
- <sup>53</sup> *Ibid*.
- <sup>54</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 39, 5 November 1985, 6303.
- <sup>55</sup> *Ibid*, 6304.
- <sup>56</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil. 4, 10 Disember 1990, 558.
- <sup>57</sup> *Ibid*, 1128.
- <sup>58</sup> *Laporan Ekonomi 1981/1982*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 18.
- <sup>59</sup> *Ibid*.
- <sup>60</sup> *Laporan Ekonomi 1981/1982*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 18.
- <sup>61</sup> *Ibid*.
- <sup>62</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 38, 2 November 1981, 4855.
- <sup>63</sup> *Ibid*, 4855.
- <sup>64</sup> *Laporan Ekonomi 1982/1983*, (Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia), 78.
- <sup>65</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 38, 2 November 1981, 4799.
- <sup>66</sup> Chamhuri Siwar & Zulkifly Osman. *Prestasi Ekonomi 1988 dan Belanjawan 1989*, Jurnal Ekonomi Malaysia, (1988), 116.
- <sup>67</sup> *Berita Harian*, 27 Oktober 1989, (Kuala Lumpur: New Straits Times Press Sdn. Bhd), 10.
- <sup>68</sup> *Ibid*.
- <sup>69</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil. 4, 10 Disember 1990, 436.
- <sup>70</sup> *Ibid*, 1113.
- <sup>71</sup> *Ibid*.
- <sup>72</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 63, 13 Disember 1989, 10836.
- <sup>73</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 63, 13 Disember 1989, 10836.
- <sup>74</sup> *Ibid*, 10834.



---

<sup>75</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 63, 13 Disember 1989, 10834.

<sup>76</sup> *Ibid.*

<sup>77</sup> *Ibid.*

<sup>78</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil. 4, 10 Disember 1990, 558.

<sup>79</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil. 8, 14 Disember 1990, 1102.

<sup>80</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 13, 2 April 1981, 1534.

<sup>81</sup> *Ibid.*

<sup>82</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 13, 2 April 1981, 1534.

<sup>83</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 43, 12 November 1985, 6893.

<sup>84</sup> *Ibid.*

<sup>85</sup> *Ibid.*

<sup>86</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 59, 1 Disember 1981, 7299.

<sup>87</sup> *Ibid.*

<sup>88</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 38, 2 November 1981, 4799.

<sup>89</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 19, 19 Julai 1985, 3565.

<sup>90</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 19, 19 Julai 1985, 3565.

<sup>91</sup> *Ibid.*, 3565.

<sup>92</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 9, 5 April 1985, 1341.

<sup>93</sup> *Ibid.*

<sup>94</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III Bil. 17, 17 Julai 1985, 3273.

<sup>95</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil. 5, 11 Disember 1990, 693.

<sup>96</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I Bil. 11, 19 Disember 1990, 1616.